

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Sekat telefon pintar

ADAKAH cara untuk menghalang atau memblok telefon bimbit yang hilang atau dicuri?

-FADIL, Bentong

PERKARA pertama perlu dibuat sekiranya telefon bimbit hilang atau dicuri adalah hubungi syarikat operator telefon dilanggan untuk menghalang penggunaan kad SIM yang terdapat dalam telefon bimbit tersebut. Berkemungkinan juga terdapat aplikasi disediakan oleh pihak operator telefon yang berupaya memblok telefon bimbit berdasarkan kepada nombor serial atau IMEI.

Bagi telefon pintar yang mempunyai sambungan internet, terdapat peluang untuk menghalang penggunaan, mengesan lokasi dan memadam data bagi telefon tersebut secara jarak jauh menggunakan aplikasi tertentu. Aplikasi ini biasa disediakan oleh pihak pengeluar seperti Samsung dan lain-lain, pihak penyedia perkhidmatan sistem pengoperasian seperti Android dan lain-lain dan pihak ketiga.

Kebanyakan telefon pintar yang ada di pasaran adalah berasaskan sistem Android atau iOS bagi iPhone keluaran Apple.

IPHONE APPLE

Pihak Apple menyediakan perkhidmatan iCloud dengan aplikasi *Find My iPhone*. Namun begitu, aplikasi ini perlu diaktifkan dalam telefon iPhone terlebih dahulu.

GOOGLE ANDROID

Pihak Google Android menyediakan aplikasi *Android Loss* atau *Android Device Manager* yang boleh dimuat turun menerusi perkhidmatan Google Play. Antara aplikasi lain boleh digunakan untuk sistem Android adalah aplikasi *Where's My Droid*, **Plan B**, *Android Lost Free*, *SeekDroid Lite*, *AntiDroidTheft* dan lain-lain. Ada antara aplikasi ini boleh digunakan selepas telefon bimbit itu hilang atau dicuri.

Pihak Microsoft juga ada menyediakan aplikasi *Find My Phone* menerusi laman web, <http://www.windowsphone.com> untuk telefon berasaskan sistem Windows. Bagi telefon yang berasaskan sistem BlackBerry, pihak RIM ada menyediakan aplikasi *BlackBerry Protect* untuk tujuan yang sama.

Seterusnya, terdapat beberapa aplikasi yang disediakan oleh pihak ketiga seperti aplikasi *Avast Anti-Theft*, *Prey Anti Theft*, *Cerberus Anti Theft*, *Bitdefender Anti Theft*, *360 Security*, *ESET Mobile Security & Antivirus* dan lain-lain.

Kebanyakan aplikasi ini perlu dipasang dan dikonfigurasikan sebelum telefon itu hilang. Perkara penting juga adalah menyimpan nombor serial atau nombor IMEI bagi sebuah telefon bimbit.